



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara
Bangunan Menara Usahawan
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN SIASATAN EAIC
MENGENAI PENGENDALIAN SIASATAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP CAWANGAN KAJANG**

Putrajaya, 3 Januari 2025 — Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kajang berhubung dengan ketidakpatuhan KPDN Cawangan Kajang terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa menjalankan siasatan terhadap aduan Pengadu berhubung dengan penjualan minyak pelincir tiruan jenis Mannol. Siasatan ini dijalankan berdasarkan aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati terdapat ketidakpatuhan terhadap SOP Garis Panduan Pengendalian Aduan Cap Dagang Palsu oleh KPDN Cawangan Kajang dalam mengendalikan aduan Pengadu sehingga menyebabkan aduan tersebut tidak disiasat dengan sewajarnya.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor hukuman terhadap pegawai-pegawai yang terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) KPDN.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)